



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN
CAWANGAN TERENGGANU**

No.10,Lot 3188K-2,Tingkat 1 &2,Bangunan Perkedai Permint Harmoni
Jalan Engku Sar,20300 Kuala Terengganu,Terengganu
Tel : 09- 631 1481 Fax : 09- 631 1310 Email : nutptrg@yahoo.com

Ruj.Kami :KPPKTRG(17-20) 9/003/2/(01)
Tarikh :1 JANUARI 2020

PENGUMUMAN

**Semua Ahli,
KPPK Cawangan Terengganu.**

Melalui dan salinan;

Wakil Sekolah Berkenaan

Saudara/saudari ,

PERATURAN PENCALONAN

Notis diberi bahawa Mesyuarat Agung Tritahunan Ke- 9 KPPK Cawangan Terengganu akan diadakan pada hari **Sabtu 20 JUN 2020** di **DEWAN FIKRAH SMK GELIGA, KEMAMAN, TERENGGANU** jam **8.00 pagi**. Pencalonan untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa KPPK Cawangan Terengganu dan Ibu Pejabat dibuka.Pencalonan mesti dibuat dengan menggunakan borang-borang yang dikeluarkan oleh KPPK Cawangan Terengganu.

Borang Pencalonan ini mesti ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli berhak dan mesti mengandungi izin berlafaz calon yang bertanding itu seperti yang dikehendaki menurut Peraturan 31(3) KPPK. Majlis Cawangan berhak menolak sebarang pencalonan yang pada pendapat KPPK Terengganu tidak diisi dengan sempurna atau dicadang/disokong oleh ahli-ahli yang tidak berhak/bukan ahli.

Borang-borang Pencalonan seperti di atas boleh didapati terus daripada Setiausaha Kehormat KPPK Cawangan Terengganu atas permintaan. Semua Borang Pencalonan yang disempurnakan mesti sampai ke Pejabat KPPK Cawangan Terengganu pada atau sebelum **16 FEBRUARI 2020 jam 3.00 petang**. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang tersebut tidak akan dilayan. Ahli-ahli dinasihatkan menghantar semua surat urusan ini dengan pos berdaftar.

Usul-usul untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tritahunan juga harus disampaikan kepada Pejabat KPPK Cawangan Terengganu pada atau sebelum **16 FEBRUARI 2020 jam 3.00 petang**.

Sekian dimaklumkan.Terima kasih

Yang Menjalankan Tugas,

(MOHAMAD RAFAE BIN ABDUL RAHMAN)
Setiausaha Kehormat,

sk - Setiausaha Agung KPPK SM
Pendaftar Kesatuan Sekerja Terengganu/Kelantan
Semua AJK KPPK Cawangan Terengganu